

Headline **Misi buruan pingat bermula**
Date **20 Jun 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Sukan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **63**
Article Size **338 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,939**
PRValue **8,817**



Karnival Sukan Masum 2011 buka tirai secara rasmi

Misi buruan pingat bermula



Oleh **FARHANA HANIM**
MOHD. MYDIN

farhana.mydin@kosmo.com.my

KARNIVAL Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) dianggap sebagai medan terbaik melihat perkembangan dan pencapaian atlet-atlet di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Ini kerana, para pelajar IPTA adalah kumpulan yang menjadi sasaran utama Kementerian Pengajian Tinggi dalam melahirkan 30 peratus atlet di kalangan pelajar IPT yang mewakili negara di persada antarabangsa.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Omar Abd. Rahman, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) melalui Bahagian Sukan sentiasa memberi sokongan dan dorongan terhadap pembangunan sukan di IPTA.

"Dengan pelaksanaan skim Pusat Kecemerlangan Sukan dan Pusat Sukan

Tumpuan, ternyata kementerian begitu serius dan komited terhadap Institusi Pengajian Tinggi dalam melahirkan atlet yang bijak atau disebut sebagai *thinking athlete*.

"Hakikatnya, walaupun pembangunan sukan dipertingkatkan secara meluas di seluruh IPTA, namun bidang akademik perlu seiring dan diberi penekanan dalam usaha memberi peluang dan ruang pekerjaan terhadap atlet yang bergelar pelajar," katanya ketika merasmikan Karnival Sukan Masum 2011 di Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM) malam tadi.

Turut hadir Pengerusi Masum, Profesor Dr. Shaharudin Abd Aziz dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.

UPM telah dipilih sebagai tuan rumah bagi Karnival Masum 2011. Selain UPM, lapan lokasi luar daripada kampus tersebut dipilih sebagai venue pertandingan.

Seramai 4,477 atlet daripada 20 IPTA yang akan menyertai Karnival Sukan Masum 2011 yang dianjurkan oleh UPM dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia Masum bermula 18 hingga 30 Jun ini.

Fasa I bermula 18 hingga 24 Jun dengan melibatkan 12 acara manakala Fasa II berlangsung pada 25 hing-

ga 30 Jun (tujuh acara).

Karnival Masum 2011 menyaksikan penyertaan daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Edisi kali ini juga melibatkan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).



SIMBOLIK. Omar (kanan) menyerahkan anak panah kepada seorang atlet pada majlis perasmian pembukaan Karnival Sukan Masum 2011 di Stadium UPM malam tadi.